

01/03/2004

## Strategi BN rampas Kota Melaka

Daud Awang

BARISAN Nasional (BN) mensasarkan untuk merampas kerusi Parlimen Kota Melaka selepas 35 tahun kerusi itu dimiliki pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

Selain itu, empat kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dimenangi DAP dalam pilihan raya lalu turut menjadi sasaran BN kali ini yang akan menggempur habis-habisan kubu pembangkang itu.

Ketiadaan isu tempatan selain faktor kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak seolah-olah menyuntik semangat baru kepada rakyat untuk menyokong BN.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata segala dasar dan agenda pembangunan yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang kini diteruskan Abdullah dan Najib membuatkan rakyat semakin insaf parti mana yang harus disokong.

"Sejak kebelakangan ini, rata-rata rakyat bawahan mula menunjukkan sokongan terhadap kepemimpinan sedia ada dan keadaan ini sudah tentu akan diterjemahkan dengan menyokong calon BN pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita mahu pengundi di Parlimen Kota Melaka menolak calon pembangkang dalam pilihan raya umum kali ini. Beri peluang kepada BN membangunkan kawasan Kota Melaka selepas 35 tahun dipegang oleh pembangkang," katanya.

Mohd Ali yang juga Pengerusi BN berkata, BN berkeyakinan dengan sokongan semua pihak, BN mampu mengekalkan kerusi sedia ada dan merampas semua kerusi di kawasan pembangkang.

"Jika boleh kita ingin merampas semua kerusi yang dipertandingkan tetapi jika tidak, memenangi tiga daripada lima yang dimiliki mereka itu sudah cukup baik," katanya.

Mohd Ali yakin sokongan semua pihak dan parti komponen calon BN akan memberi saingan sengit kepada pencabar terutama DAP.

Katanya, DAP boleh bertanding semua kerusi jika mereka mahu dan tidak perlu menghadkan kerusi yang dianggap selamat bagi mereka.

Berikutan itu, katanya, BN tidak gentar menghadapi calon mereka kerana rakyat kini semakin menyokong calon BN berdasarkan apa yang dilakukan oleh kerajaan.

Apa pun pada pilihan raya umum kali ini, Pas dan Keadilan bukan pencabar sebenar berbanding DAP, tetapi kehadiran calon mereka jangan diperkecilkan kerana pengundi mempunyai cita rasa tersendiri jika BN tersilap memilih dan meletak calonnya.

Mohd Ali berkata, sepanjang empat tahun lalu BN telah menunaikan segala janji pilihan raya dan setakat ini tidak ada isu besar yang boleh ditimbulkan pembangkang.

"Pembangkang lebih banyak berjanji tetapi tidak tunaikan. Kita tidak berjanji tetapi kita tunaikan segala kehendak rakyat. Inilah dasar kerajaan BN yang mementingkan kesejahteraan rakyat," katanya.

Sementara itu, senario politik pembangkang di negeri ini bagaikan telur di hujung tanduk apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Durian Daun, Betty Chew Gek Cheng, tidak hadir ketika majlis pelancaran Bilik Gerakan Pilihan Raya DAP negeri di Lorong Pandan pada 15 Februari lalu.

Ketiadaannya menimbulkan pelbagai tanda tanya di kalangan banyak pihak. Apa sudah terjadi kepada parti itu? Persoalannya adakah wujud krisis dalaman atau parti itu sedang bergolak sehingga Betty hanya mewakili

suaminya, Lim Guan Eng menyertai majlis pelancaran itu yang disempurnakan oleh Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock.

Selain itu, majlis yang dihadiri kira-kira 20 penyokong parti itu seolah-olah menimbulkan rasa 'kurang selesa' kepada Guan Eng yang kemudian meninggalkan majlis itu walaupun ia belum selesai.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Pengerusi DAP negeri, Sim Tong Him langsung tidak menjelaskan mengapa Betty tidak hadir pada majlis itu walhal dua Adun lain iaitu Lim Jak Wong (Bachang) dan Goh Leong San (Tengkera) turut hadir.

Apakah Betty memang tidak sehaluan dengan Sim yang dianggapnya kurang 'menyengat' ketika menyertai perbahasan pada persidangan DUN atau Betty ada urusan lain. Hanya Betty dan Guan Eng mengetahuinya.

Secara logiknya, sebagai ahli parti dan Adun DAP, Betty sepatutnya menunjukkan diri walaupun sekejap kerana ia adalah majlis pelancaran bilik gerakan yang akan menjadi tulang belakang kepada parti itu menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketiadaannya boleh menimbulkan pelbagai spekulasi bahawa Betty mungkin tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan parti pada peringkat negeri dan kebangsaan. Jika BN mengadakan majlis pelancaran seperti itu, sudah pasti beribu-ribu penyokongnya akan turun padang dan bukan dihadiri kira-kira 20 penyokong saja.

Sim yang juga Adun Bandar Hilir mengakui jentera pilihan raya BN lebih kuat kerana BN mempunyai pelbagai kemudahan dan sumber kewangan berbanding DAP yang berjuang berdasarkan semangat menegak keadilan.

Berikutan itu, katanya, DAP Melaka memilih slogan 'Pilihan Tepat' sebagai strategi kempen pada pilihan raya umum kali ini kerana hanya DAP yang boleh membela nasib rakyat.

Katanya, DAP negeri akan bertanding di 12 kerusi DUN dan dua kerusi Parlimen di negeri ini dalam pilihan raya umum akan datang.

Kerusi terbabit ialah Kesidang, Kota Laksamana, Duyong, Bandar Hilir, Bachang, Ayer Keroh, Bukit Baru, Ayer Molek, Paya Rumput, Kelebang, Bemban dan Gadek, manakala kawasan Parlimen ialah kubu tradisinya, Kota Melaka dan kawasan baru, Bukit Katil.

Sehubungan itu, katanya, empat muka baru akan diperkenalkan, manakala lapan calon lain termasuk empat Adun sedia ada dan empat lagi calon yang kalah dalam pilihan raya umum lalu akan dikekalkan. Beliau sendiri akan bertanding di DUN Ayer Keroh.

Pada pilihan raya umum 1999, DAP bertanding di lapan kerusi DUN dan satu Parlimen. Mereka tewas di DUN Duyong, Ayer Keroh, Paya Rumput dan Pulau Sebang tetapi menang di DUN Tengkeru, Durian Daun, Bandar Hilir, Bachang dan Parlimen Kota Melaka.

Sekutunya dalam pakatan barisan alternatif (BA) iaitu Pas bertanding di 10 kerusi membabitkan DUN Alai, Ayer Molek, Rembia, Durian Tunggal, Kuala Linggi, Ramuan China, Sungai Udang, Merlimau, Serkam dan Sungai Rambai.

Keadilan di tujuh kerusi iaitu DUN Melekek, Masjid Tanah, Bukit Sedanan, Bukit Asahan, Tangga Batu, Ayer Panas dan Rim. Semua calon Pas dan Keadilan tewas.

Bagi kerusi Parlimen, kecuali kemenangan DAP di Kota Melaka, calon Pas tewas di Alor Gajah dan Jasin serta Keadilan tewas di Batu Berendam dan Selandar.

Berdasarkan analisis pilihan raya lalu, BN meraih sokongan 126,401 pengundi berbanding 313,676 pengundi berdaftar atau kira-kira 40.3 peratus, manakala pembangkang memperoleh 76,856 undi atau 24.5 peratus.

Peniaga runcit yang mahu dikenali Wong berharap MCA jangan melakukan kesilapan dengan menurunkan calon yang pernah tewas pada pilihan raya umum lalu.

"Calon MCA mesti boleh diterima pengundi dan bukan meletak kroni mereka

untuk bertanding. Kami mahu calon yang boleh bekerja untuk rakyat dan bukannya selepas memberi sokongan, mereka menghilangkan diri untuk berniaga," katanya.

Bagaimanapun, berdasarkan ramalan awal, BN dijangka memenangi 25 kerusi DUN dan lima Parlimen daripada 28 kerusi DUN dan enam kerusi Parlimen yang dipertandingkan.